

GARIS PANDUAN PENAPISAN FILEM

Kementerian Dalam Negeri

Prakata

Garis Panduan Penapisan Filem mengandungi pernyataan mengenai perkara yang diteliti dalam proses menapis sesebuah filem oleh Lembaga Penapis Filem. Perkara yang diberi perhatian merangkumi empat aspek, iaitu keselamatan dan ketenteraman awam; keagamaan; sosiobudaya; dan ketertiban dan ketatasusilaan. Penilaian diberi kepada perkara tersebut bagi memastikan unsur-unsur negatif yang keterlaluan tidak dipaparkan dalam sesebuah filem.

Garis Panduan ini boleh menjadi panduan kepada penggiat seni perfileman mengenai perkara yang harus diberi perhatian dan penilaian yang serius berhubung dengan isi kandungan sesuatu filem. Perhatian dan penilaian itu hendaklah mengambil kira aspek kesesuaian sesebuah filem untuk ditonton oleh masyarakat umum.

Di pihak Lembaga Penapis Filem, penilaian berdasarkan kepada Garis Panduan ini akan dapat memastikan kreativiti pembuat filem tidak disekat dan sesebuah filem dapat dinilai dalam konteks jalan cerita yang hendak disampaikan.

Garis Panduan ini disediakan dengan mengambil kira pandangan, syor dan cadangan daripada pihak karyawan filem tempatan, Badan Bukan Kerajaan, ahli akademik, pihak media cetak dan elektronik serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Syor dan cadangan bagi menambah baik Garis Panduan ini telah diperolehi melalui dialog, seminar, perbincangan dan juga cadangan secara bertulis daripada pihak-pihak yang berkenaan. Senarai semua individu dan organisasi yang terlibat dimuatkan di Lampiran Garis Panduan ini.

Y. BHG DATO' SRI MAHMOOD BIN ADAM
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KANDUNGAN

	<i>Muka Surat</i>
<i>Prakata</i>	1
Pengenalan	4
Bahagian I	
Dasar Umum	6
Prinsip Umum	7
Dasar Penilaian	8
Keputusan Lembaga	10
Bahagian II	
Keselamatan dan Ketenteraman Awam	11
Keagamaan	13
Sosiobudaya	19
Ketertiban dan Ketatasusilaan	22
Bahagian III	
Filem Iklan	25
Filem Treler (Promosi)	29
Bahan Publisiti Filem	30
Bahagian IV	
Bahasa	31
Bahagian V	
Filem yang tidak Diluluskan untuk Tayangan	36
Bahagian VI	
Proses Mendapatkan Kelulusan Filem untuk Tayangan	37

Bahagian VII

Pengelasan Filem

38

Lampiran

39

Senarai individu dan organisasi yang menyumbang dalam proses pengemaskinian
Garis Paduan Penapis Filem

i. Agensi

ii. Individu yang terlibat

PENGENALAN

Garis Panduan Penapisan Filem ini bertujuan membantu dan memudahkan penggiat seni perfileman memahami dasar kerajaan tentang perkara yang perlu diberikan perhatian dan penilaian yang kritikal berhubung dengan kandungan sebuah filem. Perhatian dan penilaian itu hendaklah mengambil kira aspek kesesuaian sesebuah filem untuk ditonton oleh masyarakat umum. Di pihak Lembaga Penapis Filem, penilaian tersebut akan dibuat dengan sebaik mungkin supaya tidak menyekat kreativiti pembuat filem dan dibaca serta dinilai dalam konteks jalan cerita yang hendak disampaikan. Lembaga Penapis Filem bersedia untuk memberi khidmat nasihat jika diperlukan sebelum sesebuah filem dihasilkan. Lembaga Penapis Filem juga bersedia meneliti skrip dan papan cerita filem sebelum penggambaran dimulakan oleh penerbit filem. Di samping itu, pemunya sesebuah filem juga dibenarkan untuk mengemukakan filem sekurang-kurangnya di peringkat suntingan pengarah dalam bentuk pita atau VCD/DVD untuk tujuan pratonton.

Garis Panduan ini hendaklah diguna pakai seiring dengan Akta Penapisan Filem 2002 (Akta 620), serta undang-undang lain, peraturan-peraturan dan dasar-dasar yang sedang berkuat kuasa pada masa ini, termasuk konvensyen-konvensyen antarabangsa yang diterima pakai oleh Malaysia.

Garis Panduan ini juga mengambil kira cita rasa, sikap dan keperihatinan masyarakat umum, perubahan undang-undang, atau bukti baru daripada kajian atau sumber pakar bidang yang berkenaan membolehkannya disemak semula dari semasa ke semasa.

Garis Panduan ini hendaklah digunakan sebagai panduan untuk penapisan filem yang jelas, adil dan munasabah. Sekiranya timbul sesuatu isu yang tidak diliputi garis panduan ini, ia wajar diselesaikan oleh Lembaga Penapis Filem dan pihak yang terlibat selari dengan toleransi yang terkandung dan tersirat dalam Garis Panduan ini.

Penggiat seni perfileman tempatan seperti penerbit, penulis skrip dan pengarah filem, boleh menjadikan Garis Panduan ini sebagai asas untuk mempertimbangkan sesebuah kandungan filem yang mungkin perlu diteliti dengan mendalam, sebelum sesuatu filem itu diterbitkan.

Garis Panduan ini memberikan fokus kepada empat aspek penting yang harus diteliti dan diambil kira di dalam pembuatan filem, iaitu keselamatan dan ketenteraman awam; keagamaan; sosiobudaya; dan ketertiban dan ketatasusilaan. Aspek-aspek ini perlu diberikan perhatian serius dan tidak dieksploitasi hingga boleh membawa akibat yang tidak diinginkan kepada masyarakat dan negara.

Garis Panduan ini juga bertujuan untuk menggalakkan pembinaan jati diri bangsa dengan memaparkan melalui filem nilai-nilai murni dan amalan baik masyarakat dapat dipaparkan melalui filem. Peraturan-peraturan yang terkandung dalam Garis Panduan ini amat penting kerana filem boleh memberikan pengaruh terhadap pemikiran dan perlakuan masyarakat, terutamanya kanak-kanak dan remaja.

Garis Panduan ini dapat membantu semua pihak yang terlibat dalam industri perfileman dan penyiaran untuk menghasilkan filem yang sesuai bagi tontonan masyarakat.

Filem memainkan peranan penting dalam pembangunan negara, keselamatan negara, keadilan sosial, perpaduan kaum dan perilaku masyarakat. Justeru itu, pembikinannya hendaklah bersesuaian dengan keperibadian bangsa dan nilai-nilai murni sejagat.

Kementerian Dalam Negeri sentiasa bersedia menerima maklum balas daripada mana-mana pihak demi kebaikan bersama, untuk menjana industri perfileman yang rancak dan berpandangan jauh ke hadapan dalam sebuah negara yang aman, adil dan berdaulat.

BAHAGIAN I

DASAR UMUM

Penapisan filem bertujuan:

1. Melindungi orang ramai agar tidak terpengaruh dengan nilai-nilai negatif yang diakibatkan daripada penontonan filem dan bahan-bahan publisiti sesebuah filem sehingga mendorong mereka:
 - 1.1 melakukan perbuatan yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam dan yang tidak bermoral;
 - 1.2 meniru, mempraktis dan bersimpati dengan fahaman yang bertentangan dengan prinsip Rukun Negara.
2. Melindungi negara dan Kerajaan Malaysia daripada tersebarnya filem-filem yang anti kerajaan atau meletakkan imej kerajaan dan agensi-agensinya secara negatif serta boleh menyinggung kedaulatan negara dan pemimpin yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia.
3. Menghindari filem yang menyanjung ajaran salah, fanatik, mengkritik dan mencela terhadap sesuatu agama sehingga kesudahan cerita tanpa kekesalan atau hukuman.
4. Menjaga keharmonian hubungan antara kaum, dengan pencerminan kebudayaan, keperibadian dan aspirasi negara sentiasa selaras dengan dasar visi (wawasan) dan negara.
5. Menjadi panduan supaya tatanilai dan budaya bangsa terpelihara dan berkembang sesuai dengan keperibadian nasional.
6. Mengelakkan individu atau pertubuhan menanggung rugi secara fizikal dan moral akibat tayangan filem yang mengandungi dakwaan yang tidak benar dan tuduhan liar.

PRINSIP UMUM

1. Pernyataan terperinci Garis Panduan terdapat dalam muka halaman selanjutnya. Bagaimanapun, perlu dinyatakan bahawa landasan bagi Lembaga Penapis Filem melaksanakan tugasnya harus mengikut dua prinsip tersebut, iaitu :
 - 1.1 Filem seharusnya dibenarkan penyebarannya kepada penonton seluas yang mungkin sesuai dengan tema dan mesej pengolahannya.
 - 1.2 Orang dewasa seharusnya bebas memilih apa-apa bahan yang ingin mereka tonton selagi bahan tontonan itu sah dari segi undang-undang dan tidak berpotensi memudaratkan.
2. Ketika melaksanakan prinsip-prinsip ini, terdapat tiga syarat iaitu;
 - 2.1. bahan tayangan itu bercanggah dengan undang-undang, atau;
 - 2.2 bahan tayangan itu memungkinkan kemudaratkan kepada sesuatu golongan sasaran penonton, atau;
 - 2.3 bahan tayangan itu memang jelas bertentangan dengan pendapat umum. Atas dasar ini, Lembaga Penapis Filem boleh menyekat tayangannya mengikut larangan yang berkaitan dengan seks, tahyul, keganasan, dan corak hidup tanpa batasan.

DASAR PENILAIAN

(a) BENTUK FILEM

1. FILEM

Mengikut Akta Penapisan Filem 2002 (Akta 620), filem ditafsirkan sebagai keseluruhan atau apa-apa bahagian:

- (i) sesuatu filem sinematografi; dan
- (ii) sesuatu pita video, disket, cakera laser, cakera padat, cakera keras dan rekod lain, yang asal atau pendua bagi suatu urutan imej gambar tampak, yang merupakan suatu rekod yang dapat digunakan sebagai suatu cara untuk menunjukkan urutan itu sebagai suatu gambar bergerak, sama ada atau tidak diiringi dengan bunyi.

2. FILEM IKLAN

2.1 Filem iklan bermaksud sesebuah filem komersial yang mempromosikan sesuatu barangan atau perkhidmatan dan juga sebarang bentuk pengumuman.

3. FILEM TRELER (PROMOSI)

3.1 Filem treler bermaksud apa-apa bahan atau sedutan filem yang mempromosikan sesebuah filem secara visual atau grafik sama ada diiringi dengan bunyi ataupun tidak.

4. BAHAN PUBLISITI FILEM

4.1 Bahan publisiti filem termasuklah keseluruhan atau apa-apa bahagian sesuatu gambar, fotograf, poster, rajah, surat sebaran, slaid, iklan surat khabar dan apa-apa bentuk iklan lain yang asal atau pendua yang dicetak atau dirakamkan pada apa-apa bahan dan yang dimaksudkan untuk mempromosikan sesebuah filem.

(b) KATEGORI / GENRE FILEM

1. Perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan oleh Lembaga Penapis Filem sebelum membuat keputusan mengenai sesebuah filem berdasarkan kepada bentuk filem, misalnya cereka, dokumentari, animasi, iklan dan eksperimental (percubaan):

1.1 Tema filem.

1.2 Mesej yang hendak disampaikan oleh penerbit (mesej tersurat dan mesej tersirat).

1.3 Pengajaran / pendidikan yang boleh diperolehi.

1.4 Mempengaruhi mana-mana golongan (kanak-kanak, remaja atau dewasa).

1.5 Mengagung-agungkan sesuatu kaum, suku, bangsa, gama, negara dan fahaman.

1.6 Menyinggung perasaan pihak-pihak lain dari segi – kaum, suku, bangsa, agama, negara.

1.7 Bersesuaian dengan kehendak kerajaan dan wawasan negara.

2. Selain itu, keputusan juga mengambil kira kategori / genre filem. Contohnya ialah jenaya, perang, fiksyen sains, pengembaraan, sukan, agama, seram (Horror), purba / sejarah, drama cinta/sosial/perubatan, komedi, misteri/fantasi, koboi / "western", muzikal, pendidikan, hiburan dan seks.

KEPUTUSAN LEMBAGA PENAPIS FILEM

Lembaga Penapis Filem akan memberi keputusan terhadap sesebuah filem yang dikemukakan mengikut tempoh dalam Piagam Pelanggan sekiranya tiada sebarang masalah.

BAHAGIAN II

1. Menjadi hasrat dan aspirasi kerajaan dan negara untuk menjaga hubungan harmonis antara kaum dan wilayah serta mengekang perkembangan perkara negatif agar tidak menular di kalangan masyarakat. Filem membawa pengaruh dan kesan terhadap masyarakat dan negara. Mesej yang tersurat dan tersirat disampaikan dengan cara kreatif, dapat menghibur dan mendidik masyarakat, di samping menjamin kejayaan matlamat di atas.

2. Secara amnya, Garis Panduan ini berkisar kepada empat aspek utama, iaitu:

2.1 Keselamatan dan Ketenteraman Awam

2.1.1 Filem yang mengandungi tema, jalan cerita, adegan atau dialog yang menyentuh keselamatan dan ketenteraman awam adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, perkara di bawah ini perlu diberi perhatian dan diteliti secara mendalam, supaya tidak menimbulkan kontroversi dan keraguan di kalangan masyarakat. Antaranya termasuklah:

- i. perkara yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara;

- ii. keganasan dan anarki mengatasi undang-undang;

- iii. memburuk-burukkan sesebuah kerajaan berdaulat yang memerintah atau mempersendakan dan mengaibkan sesebuah negara asing;

- iv. menyindir dan mempersendakan pemimpin atau kerajaan yang memerintah sehingga boleh menimbulkan ketegangan dalam negara;

- v. dialog, lirik lagu atau perbuatan menghasut, memfitnah atau mengadu domba yang boleh menimbulkan keraguan dan keresahan di kalangan rakyat dan akhirnya menggugat keselamatan, ketenteraman awam dan ketahanan nasional;
- vi. modus operandi kejahatan secara terperinci dan mudah menimbulkan rangsangan untuk menirunya;
- vii. kemenangan kejahatan terhadap keadilan dan kebenaran;
- viii. adegan yang memegahkan cara menunggang atau mengendalikan kenderaan yang membahayakan diri sendiri dan orang lain serta melanggar peraturan jalan raya tanpa balasan buruk kepada pelaku sehingga tamat cerita;
- ix. gambaran dan fahaman bahawa perbuatan jenayah mendatangkan keuntungan atau berfaedah;
- x. pihak berkuasa undang-undang tidak mengambil tindakan terhadap penjenayah sehingga tamat cerita;
- xi. perlakuan yang menyebabkan kecederaan fizikal, kematian atau gangguan mental yang keterlaluan terhadap individu atau kumpulan individu serta pemusnahan harta benda;
- xii. penggunaan senjata pemusnah secara kejam dan mengerikan terhadap individu atau kumpulan individu;

- xiii. adegan jenayah dan kekerasan yang memaparkan dari jarak dekat manusia dengan amat kejam dan bertubi-tubi ditembak, ditikam, ditetak, dipukul, ditendang, ditumbuk dan dihempas;
- xiv. adegan penyeksaan manusia atau haiwan; dan
- xv. filem yang memaparkan jarak dekat adegan cara pengambilan dadah.

2.2 Keagamaan

2.2.1 Filem yang mengandungi tema, jalan cerita, adegan atau dialog yang menyentuh hal-hal agama adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, perkara di bawah perlu diberi perhatian dan diteliti secara mendalam supaya tidak menimbulkan kontroversi dan keraguan di kalangan masyarakat. Antaranya termasuklah;

- i. pengajaran yang menggalakkan anti tuhan, anti agama, menyokong kepercayaan fanatik, mengkritik atau mencela mana-mana agama;
- ii. mesej dan tafsiran yang mengelirukan tentang jihad dan menyama ertikan dengan keganasan;

2.2.2. Untuk filem yang menyentuh agama Islam, perkara di bawah ini perlu diberi perhatian dan diteliti secara mendalam, supaya tidak menimbulkan kontroversi dan keraguan di kalangan masyarakat:

- i. mempersoal, mempersenda dan memperkecil kesucian Islam;
- ii. bercanggah dengan akidah, hukum dan ajaran Islam;

- iii. bercanggah dengan pegangan mazhab-mazhab yang muktabar;
- iv. bertentangan dengan pendapat kebanyakan ulama;
- v. unsur khurafat;
- vi. menimbulkan keraguan dan kegelisahan awam;
- vii. menyalahi fakta sejarah, umpamanya Sirah Rasul;
- viii. penulisan ayat-ayat al-Quran dalam bentuk tulisan selain bahasa Arab;
- ix. mempersoalkan kewibawaan sumber-sumber hukum agama yang telah diterima umum, iaitu al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias;
- x. mempertikaikan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam, dan Fatwa Negeri;
- xi. unsur-unsur mempersendakan kewibawaan pandangan mana-mana Mazhab yang empat, iaitu Syafie, Hanafi, Maliki dan Hambali serta pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- xii. merendah-rendah dan mempersendakan kewibawaan serta maruah ulama Muktabar khususnya para Mufti;
- xiii. menggunakan isu-isu Islam dan memaparkan adegan-adegan yang boleh membawa kepada perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini;

- xiv. dialog atau adegan yang memenangkan atau membanggakan keuntungan atau faedah baik tanpa balasan buruk kepada pelaku yang keluar daripada agama Islam;
- xv. orang Islam memegang peranan sebagai sami, paderi, biarawati dan lain-lain serta melakukan ibadat di kuil, gereja dan sebagainya;
- xvi. orang Islam meminum arak, berjudi, melakukan maksiat, kecuali bertujuan mengisahkan penghijrahan daripada kejahatan kepada kebaikan; dan
- xvii. perlakuan yang membanggakan membunuh diri dan adegan ini dipanjangkan masanya.

2.2.3. Filem yang mengandungi adegan dan dialog yang berunsur syirik dan menyentuh akidah hendaklah diteliti secara mendalam supaya tidak menimbulkan kontroversi dan keraguan dalam kalangan masyarakat. Paparannya dibenarkan sekiranya mempunyai tujuan memperbetulkan akidah dan mengelakkan terjerumus kepada syirik. Watak atau pelaku dalam adegan dan dialog yang melanggar akidah agama itu wajib berkesudahan dengan kesedaran dan bertaubat atau dengan balasan buruk terhadap dirinya. Antaranya termasuklah:

- i. guru atau murid satu-satu ajaran, amalan atau tarikat membuat pengakuan menerima wahyu;
- ii. guru membuat pengakuan memegang kunci pintu syurga;

- iii. mengamalkan zikir dengan suara yang kuat, berzikir dalam kelambu, tempat gelap yang melibatkan pergaulan bebas lelaki dan wanita;
- iv. mengaku gurunya sebagai bertaraf Nabi atau malaikat;
- v. mempercayai penjelmaan semula roh orang yang telah mati ke dalam jasad orang yang masih hidup;
- vi. memberitahu orang lain bahawa dia seorang wali;
- vii. mempercayai zikir seorang guru boleh menghindarkan hari kiamat;
- viii. gurunya boleh memberi syafaat di akhirat;
- ix. pengikut tarekat yang dianjurkan oleh sesuatu golongan dijamin masuk syurga;
- x. mempercayai guru boleh menebus dosa dengan wang;
- xi. mempercayai bahawa semua agama adalah sama;
- xii. mempercayai bahawa ada Nabi lain selepas Nabi Muhammad SAW;
- xiii. mempercayai istighashah (seruan terhadap orang mati) boleh memberi pertolongan dan berkat kepada mereka;
- xiv. memohon pertolongan guru atau orang lain atau benda-benda tertentu seperti batu, cincin dan sebagainya sebagai wasilah untuk sampai kepada Tuhan;

- xv. menyampaikan atau mengajarkan sesuatu ilmu secara rahsia;
- xvi. mendakwa bahawa sesuatu ilmu yang diajar tidak boleh dipelajari oleh orang lain;
- xvii. bersumpah bahawa sesuatu ajaran itu tidak akan diberitahu kepada orang lain;
- xviii. menggambarkan wajah guru semasa beramal ibadat;
- xix. penyerahan rohani atau jasmani kepada guru, sama ada melalui cara nikah batin atau zahir;
- xx. mengaku dirinya atau gurunya sebagai Nabi atau Rasul;
- xxi. mengaku dirinya atau gurunya sebagai Imam Mahadi;
- xxii. mengaku dirinya atau pengikutnya sahaja yang layak memperoleh maunah, iaitu pertolongan langsung daripada Allah SWT sedangkan orang lain tidak sama sekali layak untuk menerimanya;
- xxiii. mengaku Allah SWT menjelma di dalam dirinya;
- xxiv. mendakwa atau mengaku dirinya sebagai wakil Nabi yang boleh memberi syafaat kepada muridnya;
- xxv. mempercayai wahyu masih lagi turun selepas wafatnya Nabi Muhammad SAW;
- xxvi. mendakwa ajaran atau tarekat yang diamalkan diambil terus daripada Rasulullah secara sedar;

- xxvii. mempercayai bahawa orang-orang tertentu tidak mati dan akan lahir semula menjadi manusia istimewa seperti Imam Mahadi dan sebagainya;
- xxviii. mengaku dan mempercayai seseorang itu boleh berhubung dengan Allah SWT melalui Nur Muhammad yang berada dalam dirinya dan dengan demikian mendakwa pasti masuk syurga;
- xxix. mempercayai dan mengaku adanya kemasukan roh orang yang telah mati ke dalam diri seseorang lain sebagaimana yang diamalkan dalam amalan menurun oleh bomoh ataupun tukang sihir;
- xxx. disyaratkan minum air yang disediakan oleh guru sebagai salah satu upacara bagi menyertai sesuatu ajaran;
- xxxi. memansuhkan syariat-syariat Islam seperti sembahyang, puasa, haji dan membuat syariat baru;
- xxxii. meninggalkan sembahyang Jumaat kerana mengamalkan suluk;
- xxxiii. mendakwa bahawa ibadat Haji tidak semestinya ditunaikan di Makkah tetapi boleh ditunaikan di tempat-tempat lain;
- xxxiv. menyalahgunakan ayat-ayat al-Quran bagi tujuan menarik perhatian orang ramai;

- xxxv. mempercayai bahawa bacaan-bacaan seseorang guru terhadap sesuatu benda seperti batu, gunung, bukit dan kayu boleh memberikan kesan baik atau buruk kepada mereka; dan
- xxxvi. mengkafirkan orang Islam lain dengan sewenang-wenangnya.

2.3 Sosiobudaya

2.3.1 Filem yang mengandungi tema, jalan cerita, adegan atau dialog yang menyentuh hal-hal sosiobudaya adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, perkara di bawah ini perlu diberi perhatian dan diteliti secara mendalam, supaya tidak menimbulkan kontroversi dan keraguan dalam kalangan masyarakat. Antaranya ialah:

- i. memaparkan kandungan negatif yang mempersendakan, merendah-rendah dan mempertikaikan adat istiadat Negara dan kedaulatan Raja-raja Melayu, Yang Di-Pertua Negeri dan isu-isu kenegaraan;
- ii. yang tidak sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Rukun Negara;
- iii. cara hidup liar, tidak berpedoman, songsang dan bertentangan dengan agama dan budaya yang boleh merosakkan nilai-nilai murni masyarakat;
- iv. yang mengandungi adegan dan dialog berunsur seks, pendedahan tubuh badan bogel sama sekali dan keganasan yang keterlaluan;

- v. filem bertemakan cerita hantu yang terlampau menyeramkan, yang memaparkan acara pemujaan dan kelakuan pelik yang ganas terhadap manusia, haiwan dan alam dalam keadaan ngeri dan menakutkan;
- vi. memuliakan atau mendewa-dewakan pemujaan kuasa hantu tanpa balasan buruk sehingga tamat cerita;
- vii. ejekan atau momokan yang boleh menimbulkan kekeliruan terhadap adat resam dan adat istiadat di Malaysia;
- viii. filem yang jalan cerita dan dialognya bertujuan merendah-rendah martabat wanita atau lelaki atau merelakan penderaan kanak-kanak atau sesama manusia;
- ix. adegan penindasan antara kaum atau masyarakat;
- x. mengagung-agungkan sesuatu kaum, suku bangsa atau agama sehingga menyinggung perasaan kaum, suku bangsa atau agama yang lain;
- xi. adegan yang keterlaluan tingkah laku, gerak-geri dan perkataan yang boleh merangsang seks atau menjurus kepada hubungan seks;
- xii. adegan seks antara lelaki dengan wanita;
- xiii. adegan hubungan seks sejenis dan seks luar tabii;
- xiv. wanita berpakaian mandi atau bikini yang terlalu kecil, ketat dan lebih banyak menunjukkan bahagian payu dara, pinggul, dan kemaluannya;

- xv. wanita memakai baju jarang atau nipis tanpa coli dan jelas terbayang bentuk payu dara;
- xvi. lelaki atau wanita yang berbogel;
- xvii. memfokuskan haiwan mengawan;
- xviii. lelaki yang memakai kancut atau cawat yang menyerlah atau menonjolkan bonjolan kemaluannya;
- xix. mengandungi aksi meraba-raba tubuh badan secara mengghairahkan;
- xx. semua adegan bercium mulut secara berahi;
- xxi. ciuman sama ada oleh lelaki atau wanita pada bahagian-bahagian anggota atau tubuh yang boleh merangsang seks, misalnya leher, tengkuk, dada, telinga dan lain-lain;
- xxii. semua adegan berpeluk-pelukan antara lelaki dan wanita dan kaum sejenis secara mengghairahkan;
- xxiii. semua isyarat lucah sama ada menggunakan jari, tangan, lain-lain bahagian tubuh badan atau dengan menggunakan `alat;
- xxiv. suara erotik;
- xxv. adegan yang memaparkan dari jarak dekat watak membuang air kecil dan besar;
- xxvi. perlakuan sumbang mahram;

- xxvii. lukisan, gambar, poster, patung dan lain-lain yang memaparkan adegan perlakuan seks;
- xxviii. adegan yang memaparkan jarak dekat watak-watak utama lelaki Islam memakai anting-anting dan badan bertatu yang tidak bersesuaian dengan jalan cerita;
- xxix. filem yang memaparkan adegan kanak-kanak merokok, meminum arak atau mengambil dadah;
- xxx. adegan nyanyian dan tarian yang memaparkan masjid sebagai latar belakang, kecuali persembahan yang bersesuaian.

2.3.2 Filem digalakkan supaya mengandungi kandungan yang mencerminkan budaya dan kesenian kebangsaan.

2.3.3 Filem tempatan yang berasaskan cerita-cerita dongeng, mitos, penglipur lara dan cerita rakyat Melayu purba adalah dibenarkan selagi ia tidak memegahkan atau mendewa-dewakan perkara yang bercanggah dengan akidah Islam.

2.4 Ketertiban dan Ketatasusilaan

2.4.1 Filem yang mengandungi tema, jalan cerita, adegan atau dialog yang menyentuh hal-hal ketertiban dan ketatasusilaan adalah digalakkan. Walau bagaimanapun, perkara di bawah ini perlu diberi perhatian dan diteliti secara mendalam supaya tidak menimbulkan kontroversi dan keraguan dalam kalangan masyarakat. Antaranya termasuklah;

- i. filem yang pelakonnya berpakaian yang mendedahkan tubuh badan secara keterlaluan;

- ii. adegan yang mendorong dan boleh memegahkan watak atau pelaku kejahatan dan perbuatan jahat itu sendiri;
- iii. memaparkan bahan-bahan kesenian seperti seni tari, teater, muzik, seni tampak dan busana yang dianggap kurang sopan dan bertentangan dengan nilai kesenian masyarakat Malaysia;
- iv. memperlekeh atau mempersenda gaya hidup orang kurang upaya atau golongan terpinggir;
- v. dialog, adegan atau babak perbuatan keji, tingkah laku biadab, perbuatan tercela dan perlakuan kurang sopan digambarkan sebagai amalan biasa atau bahan ketawa;
- vi. bahasa kesat, lucah, bahasa bercampur aduk (rojak), ungkapan bernada kebencian atau salah ejaan;
- vii. bahasa rojak yang bersesuaian dengan jalan cerita adalah dibenarkan dengan syarat ada sari kata dalam bahasa Melayu yang baik dan betul;
- viii. Boleh mendorong simpati penonton melakukan perbuatan yang tidak bermoral, songsang dan jahat;
- ix. kelakuan biadab/kurang ajar atau yang melampau terhadap ibu bapa, orang tua, wanita, kanak-kanak dan OKU;
- x. adegan yang memaparkan lelaki berkelakuan dan mengamalkan gaya hidup wanita dan sebaliknya; dan
- xi. adegan yang memaparkan perlakuan mencemar alam sekitar yang tiada kaitan dengan jalan cerita.

2.4.2 Filem yang mengandungi adegan-adegan seni mempertahankan diri dan peperangan bersejarah adalah dibenarkan asalkan tidak memaparkan adegan kengerian dan kekejaman yang keterlaluan.

2.4.3 Filem yang padat dengan hasil teknologi *computer generated images* dan kesan khas serta kesan bunyi adalah dibenarkan asalkan tidak keterlaluan dalam memaparkan unsur-unsur ganas, seram, seks dan budaya songsang.

2.4.4 Filem yang memaparkan nilai-nilai murni sejagat adalah digalakkan. Contoh nilai-nilai murni adalah seperti yang berikut:

- i. Kepercayaan Kepada Tuhan
- ii. Hormat-menghormati
- iii. Kasih Sayang
- iv. Baik Hati
- v. Berdikari
- vi. Hemah tinggi
- vii. Keadilan
- viii. Kebebasan
- ix. Keberanian
- x. Kebersihan fizikal dan mental
- xi. Kejujuran
- xii. Kesabaran
- xiii. Keluarga bahagia
- xiv. Kerajinan
- xv. Kerjasama
- xvi. Kesederhanaan
- xvii. Kesyukuran
- xviii. Rasional
- xix. Semangat kenegaraan
- xx. Pemeliharaan alam sekitar

BAHAGIAN III

Bahagian ini menggariskan tahap piawaian dan amalan baik dalam pembikinan filem iklan, filem treler dan bahan publisiti filem.

1. **Filem Iklan:**

1.1 Filem iklan atau segala bentuk mesej persembahan yang mempromosikan sesuatu pertubuhan, barangan dan perkhidmatan berjenama seharusnya beretika seperti yang disenaraikan di bawah:

- 1.1.1. mestilah sah di sisi undang-undang, sopan, jujur dan benar;
- 1.1.2. menjual atau menawar harga jualan dan tawaran barangan dan perkhidmatan dengan pemujukan yang sederhana, bukan keterlaluan;
- 1.1.3. mestilah disediakan dengan penuh tanggungjawab terhadap pengguna dan masyarakat serta mengambil kira agar iklan sensitif terhadap kumpulan penonton dan pendengar yang mudah terpengaruh;
- 1.1.4. menghindari unsur yang menyinggung masyarakat, terutama yang berkaitan dengan kaum, agama, jantina dan umur;
- 1.1.5. menghindari mesej iklan yang diketahui boleh mengelirukan, memberi gambaran salah dan menipu;
- 1.1.6. bahasa yang digunakan dalam penerbitan iklan ialah bahasa Melayu yang baik dan betul dan tidak menggunakan bahasa rojak atau bahasa slanga;

- 1.1.7. mengelak daripada promosi yang menjurus kepada stereotaip sesuatu etnik dan jantina;
- 1.1.8. menerbitkan iklan yang tidak mempromosikan prasangka terhadap kumpulan penonton yang mudah terpengaruh;
- 1.1.9. mempromosikan nilai-nilai dan tingkah laku yang sihat, positif dan berjaya. Walaupun iklan yang bercorak negatif dibenarkan, ia tidak harus boleh memudaratkan masyarakat atau diri sendiri;
- 1.1.10. menggunakan gambar dan kata-kata yang sopan dan beradab pada pendapat umum;
- 1.1.11. mengelakkan tingkah laku dan kata-kata yang mencerminkan sikap tamak, cemburu dan iri hati untuk mendapatkan kepuasan daripada sesuatu barangan dan perkhidmatan;
- 1.1.12. mestilah tidak mengandungi kenyataan, mahupun paparan audio atau visual yang bertentangan dengan kesopanan umum;
- 1.1.13. tidak mengelirukan dengan sesuatu yang tidak tepat, kabur, ditokok tambah, ditinggalkan sesuatu atau sebaliknya;
- 1.1.14. mestilah tidak menunjukkan atau menggalakkan amalan yang tidak selamat, terutamanya yang melibatkan kanak-kanak dan remaja, kecuali acara sukan dan permainan yang teratur;
- 1.1.15. mestilah tidak mengandungi unsur-unsur yang menggalakkan keganasan atau kelakuan yang antisosial;

- 1.1.16. mestilah tidak menunjukkan wanita sebagai objek seks atau digambarkan sebagai pemuas nafsu lelaki semata-mata;
- 1.1.17. penggunaan kanak-kanak adalah tidak digalakkan kecuali bagi mengiklankan produk yang relevan kepada mereka atau bertujuan mempromosikan keselamatan atau pendidikan untuk kanak-kanak;
- 1.1.18. iklan yang ditujukan kepada kanak-kanak dan remaja mestilah tidak mengandungi bahan sama ada ilustrasi atau sebagainya, yang boleh mengakibatkan kecederaan kepada mereka secara fizikal, mental atau moral dan mengeksploitasi sikap mudah percaya mereka, kekurangan pengalaman atau sifat semula jadi kesetiaan mereka;
- 1.1.19. iklan ubat, rawatan perubatan, kemudahan perubatan, kepakaran dan perkhidmatan berkaitan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Lembaga Pengiklanan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Medicines (Advertisement and Sale) Act 1956 (Rev. 1983) dan Medicine Advertisement Board Regulation, 1976;
- 1.1.20. iklan berkaitan racun serangga hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Lembaga Pengiklanan Racun Perosak / Pemusnah Serangga, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia di bawah Peraturan-peraturan Racun MakhluK Perosak (Iklan) 1996;
- 1.1.21. iklan makanan dan minuman mestilah mematuhi ketetapan dalam Akta Makanan 1983 (Akta 281) & Peraturan-Peraturan dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985;

- 1.1.22. iklan yang mengaku sesuatu barangan yang diiklankan halal, wajib mengemukakan sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau agensi-agensi yang diiktiraf olehnya;
 - 1.1.23. iklan produk perlindungan kesihatan, tuala wanita dan inkontinens untuk dewasa mestilah tidak melanggar adab atau kesopanan.
 - 1.1.24. Penempatan barangan secara iklan yang tidak langsung dalam filem adalah dibenarkan kecuali barangan atau perkhidmatan yang dilarang.
- 1.2 Iklan bagi produk dan perkhidmatan yang dikaitkan dengan perkara berikut adalah tidak dibenarkan:
- 1.2.1 minuman arak dan alkohol;
 - 1.2.2 rokok, tembakau dan pelengkapannya;
 - 1.2.3 sebarang barangan bagi tujuan menipu atau mengelirukan yang ditegah di bawah Akta Perkhidmatan Pos, 1991 (Akta 465);
 - 1.2.4 ilmu ghaib dan penilikan;
 - 1.2.5 agensi mencari jodoh dan kelab-kelab persahabatan;
 - 1.2.6 agensi pekerjaan tanpa lesen;
 - 1.2.7 sebarang bentuk perjudian termasuk petunjuk pertaruhan dan perjudian;
 - 1.2.8 pakaian yang dicetak dengan perkataan atau lambang mengandungi mesej yang bertentangan dengan agama, undang-undang atau yang tidak sopan;

- 1.2.9 adegan-adegan yang bercorak anti sosial atau tidak sopan termasuk cumbuan antara lelaki dan perempuan atau sesama kaum sejenis;
- 1.2.10 adegan-adegan yang menunjukkan seks;
- 1.2.11 pornografi;
- 1.2.12 khinzir, produk dan terbitan daging khinzir;
- 1.2.13 bunga api, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan mercun, bahan letupan dan yang seumpamanya (kecuali iklan yang menggunakan adegan-adegan bunga api, mercun dan bahan letupan yang mempromosikan produk dan perkhidmatan yang lain);
- 1.2.14 sebarang bentuk spekulasi kewangan bertujuan mempromosi atau menarik minat dalam stok dan syer [kecuali iklan tawaran awam permulaan [Initial Public Offer (IPO)];
- 1.2.15 kenyataan tentang kematian, upacara pengebumian dan simbol pengebumian;
- 1.2.16 disko, rumah urut dan pusat karaoke; dan
- 1.2.17 produk-produk melangsingkan badan yang yang tidak mendapatkan kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. Filem Treler (Promosi)

- 2.1 Sedutan adegan filem asal yang bertujuan mempromosikan filem berkenaan;
- 2.2 Keputusan Lembaga Penapis Filem terhadap sesebuah filem treler tidak semestinya sama dengan keputusan terhadap filem induk.

3. Bahan Publisiti Filem

- 3.1 Bahan publisiti filem hendaklah mematuhi peraturan yang disyaratkan untuk filem.

BAHAGIAN IV

BAHASA

1. Filem yang mengandungi dialog atau frasa yang lucu atau menjurus kepada kelucahan dan bahasa kasar dalam apa jua bahasa adalah tidak digalakkan penggunaannya. Namun begitu, penggunaannya harus diteliti kesesuaiannya dalam konteks filem tersebut.
2. Kata yang mempunyai konotasi / makna buruk terhadap agama, bangsa, negara, adat, taboo (pantang larang sesuatu bangsa kaum). Antara perkataan dan frasa adalah seperti berikut:

2.1 Bhasa Melayu

- i. Puki Mak
- ii. Anak Haram
- iii. Haram Jadah
- iv. Butuh
- v. Anak Sundal
- vi. Celaka
- vii. Mampus
- viii. Perempuan Jalang
- ix. Betina Jalang
- x. Kepala Bapak
- xi. Kafir

2.2 Bahasa Inggeris

- i. Fuck
- ii. Fucker
- iii. Mother Fucker
- iv. Cunt
- v. Asshole
- vi. Bloody Ass

- vii. Hand Job
- viii. Blow Job
- ix. Whore
- x. Son of a Bitch
- xi. Bastard
- xii. Jerk-off.

2.3 Bahasa Tamil dan Hindi

- i. Mayiru / Mayir (Tamil)
(Bulu Kemaluan)
- ii. Oru Appanukku Piranthirunthal (Tamil)
(Anak Haram)
- iii. Pudunggu (Tamil)
(Cabut Bulu Kemaluan)
- iv. Thevedia / Vesi Magan (Tamil)
(Pelacur / Anak Pelacur)
- v. Teri Maa Ki / Teri Maa (Hindi)
(Sebutan Lucah Yang Menjurus Ke Kemaluan Wanita / Emak)
- vi. Teri Bahen Ki / Teri Bahen (Hindi)
(Sebutan Lucah Yang Menjurus Ke Kemaluan Wanita / Kakak / Adik)
- vii. Kutti (Hindi)
(Anjing Betina)
- viii. Kutte Ki Aulaad / Kutti Ki Aulaad (Hindi)
(Anak Anjing)

- ix. Kutte Bacha (Bangla)
(Anak Anjing)
- x. Chutiya (Hindi)
(Liwat)
- xi. Maa Chot (Hindi)
(Seks Dengan Emak)
- xii. Bahen Chot (Hindi)
(Seks Dengan Kakak / Adik)
- xiii. Bahen Ka Thaka (Hindi)
(Bahasa Kasar Yang Mempunyai ' Double Meaning ')
- xiv. Rendi (Hindi)
(Pelacur)
- xv. Kothe Wali (Hindi)
(Ibu Ayam)
- xvi. Haram Zada / Haram Zade / Haram Zadi (Hindi)
(Anak Haram)
- xvii. Harami Ki Aulad (Hindi)
(Anak Haram)
- xviii. Harami Ka Bacha / Harami Bacha (Hindi)
(Anak Haram)
- xix. Harami (mengikut konteks) (Hindi)
(Anak Haram)

- xx. Kanjar / Kanjare / Kanjari (Punjabi)
(Pelacur Lelaki / Perempuan)
- xxi. Kanjare Bacha (Bangla)
(Anak Pelacur)
- xxii. Sur Ka Bacha / Surya Bacha (Bangla / Hindi)
(Anak Babi / Khinzir)
- xxiii. Delah (Punjabi)
(Ibu Ayam / Lelaki)
- xxiv. Lucha / Luchi (Hindi)
(Orang Yang Gatal)

2.4 Bahasa Cina

- i. Tiu (Kantonis)
(Fuck)
- ii. Ni Ma Te Pa Tze (Mandarin)
(Kemaluan Mak Engkau)
- iii. Chau (Mandarin)
(Fuck)
- iv. Chau Ni Liang (Mandarin)
(Fuck Your Mother)
- v. Kan (Hokkien)
(Fuck)

- vi. Kan Ni Nya (Hokkien)
(Fuck Your Mother)
- vii. Kan Ni Lau Mu (Hokkien)
(Fuck Your Mother)
- viii. Pu Bor (Teochew)
(Fuck Your Mother)
- ix. Pu Nya Bor (Teochew)
(Fuck Your Mother)

BAHAGIAN V
FILEM YANG TIDAK DILULUSKAN UNTUK TAYANGAN

1. Filem yang mengandungi tema, jalan cerita atau plot yang bertentangan dengan sosiobudaya, nilai-nilai murni, hasutan, anti agama, penghinaan terhadap kepercayaan atau adat resam kaum atau kumpulan tertentu, unsur-unsur yang bertentangan dengan dasar Kerajaan, unsur-unsur keganasan dan kekejaman secara keterlaluan.

2. Filem yang mengandungi tema, jalan cerita atau plot yang tidak logik yang boleh memesongkan pandangan rakyat negara ini dan negara luar terhadap sosiobudaya dan nilai-nilai murni rakyat tempatan.

3. Filem mestilah menghormati Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat. Filem yang tidak menghormati Malaysia, mengutuk Malaysia, menjatuhkan maruah dan imej negara dan rakyat Malaysia, melanggar tatasusila dan Rukun Negara (walaupun diterbitkan di luar negara).

BAHAGIAN VI

PROSES MENDAPATKAN KELULUSAN FILEM UNTUK TAYANGAN

1. Mengemukakan filem untuk penapisan


Pemunya sesebuah filem hendaklah mengemukakan filem yang siap sepenuhnya kepada Lembaga Penapis Filem untuk penapisan dan mendapatkan kelulusan sebelum filem itu diedar atau ditayangkan kepada umum.

2. Rayuan


Sekiranya pemunya tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Penapis Filem, mereka boleh merayu kepada Jawatankuasa Rayuan Filem dan mendapatkan keputusan dalam tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan.

BAHAGIAN VII PENGELASAN FILEM


Filem yang diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem akan dikelaskan kepada tiga kategori, iaitu:



Kategori ini untuk tontonan semua lapisan masyarakat tanpa had umur. Filem ini memaparkan nilai-nilai murni, sopan dan memberi pengajaran positif serta menghiburkan.



Kategori ini untuk tontonan golongan yang berumur 13 tahun dan ke atas. Penonton yang berumur di bawah 13 tahun perlu bimbingan ibu bapa atau penjaga. Filem ini mengandungi sedikit unsur-unsur ganas atau seram.



Kategori ini untuk tontonan golongan yang berumur 18 tahun dan ke atas. Filem ini mengandungi unsur-unsur ganas, seram dan seks yang tidak keterlaluan atau pun yang menyentuh aspek-aspek agama, sosial dan politik.